

Headline	Sejuta rakyat nikmati faedah elektrik percuma		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	17 Dec 2013	Circulation	173,387
Section	Dlm Negeri	Readership	699,000
Page No	7	ArticleSize	628 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 12,526
Journalist	N/A	PR Value	RM 37,578
Frequency	Daily		



Sejuta rakyat nikmati faedah elektrik percuma

Oleh MUHAMAD AZRIN
MAD HEDER

KIRA-KIRA sejuta rakyat di Semenanjung Malaysia menerima bekalan elektrik percuma selepas kerajaan memperkenalkan program pengecualian bayaran bil elektrik bulanan RM20 dan ke bawah.

Kerajaan telah memperkenalkan program itu sejak bulan Oktober 2008 khusus kepada para pengguna domestik.

Pengumuman program itu dibuat dalam pembentangan Bajet 2009 dan sepatutnya tamat pada bulan Disember pada tahun yang sama.

Bagaimanapun, kerajaan bersetuju meneruskan program tersebut sehingga bulan Disember 2010 dan pada 2 Disember lalu, kerajaan sekali lagi mengumumkan bahawa rebat kepada pengguna domestik yang menggunakan elektrik sehingga RM20 sebulan masih dikekalkan.

Ini membuktikan kerajaan mempertingkat kebijakan rakyat negara ini dan secara tidak langsung mengurangkan beban yang dihadapi masyarakat.

Kebanyakan pengguna yang ditemui di sekitar Lembah Klang menyuarakan kegembiraan mereka terhadap keprihatinan kerajaan dalam pelaksanaan program tersebut.

Salah seorang penerima rebat, **Rohana Mohd. Aripin**, 54, berkata, usaha yang dilakukan kerajaan itu merupakan satu langkah yang amat bijak memandangkan kos hidup pada masa kini adalah tinggi.

Ibu tunggal kepada tiga orang anak itu hidup dalam keadaan serba sederhana dan tinggal di sebuah rumah pangaspuri bertempat di Petaling Jaya, Selangor.

Dia yang bekerja mengambil upah menjahit baju, telah mengumpul bil elektrik sejak lapan tahun lalu dan tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, penggunaan bil elektrik rumahnya adalah di bawah RM20.

“Saya tidak gemar membazirkan tenaga elektrik. Apabila saya tidak menggunakan mana-mana barang elektrik, saya akan pastikan semua suis dipadam. Ini bagi mengelakkan berlakunya pembaziran tenaga.

“Sejak kerajaan memperkenalkan

program rebat elektrik RM20 ini, saya tidak pernah membuat sebarang pembayaran kerana kesemua bil elektrik yang saya perolehi adalah kurang daripada RM20.

“Saya berasa amat bersyukur dengan keprihatinan kerajaan dan TNB kerana pelaksanaan program ini dapat mengurangkan beban saya sebagai ibu tunggal,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Sementara itu, **Maznah M. Amin@Awang**, 66, berkata, sejak program itu dilaksanakan oleh kerajaan lima tahun lalu, keluarganya dapat berjimat daripada segi pembayaran bil setiap bulan.

Ini kerana Maznah mempunyai dua buah rumah yang terletak di Petaling Jaya dan terpaksa menanggung kesemua bil rumahnya.

“Saya mempunyai dua buah rumah, masing-masing di Kelana Jaya dan di Kampung Tunku.

“Apabila kerajaan memperkenalkan program rebat RM20 ini, sekurang-kurangnya beban untuk membayar bil kedua-dua rumah dapat dikurangkan. Lebih-lebih lagi, saya dan suami tidak lagi bekerja.

“Saya menyokong 100 peratus usaha dilakukan kerajaan dan

mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatinan itu,” jelasnya.

Bagi **K.Krishnan**, 54, juga memuji langkah yang dilakukan kerajaan dan menyifatkan perlaksanaan program tersebut memberi banyak manfaat kepada rakyat.

Krishnan yang bekerja sebagai pemandu lori, menanggung isteri beserta tiga orang anaknya dan terpaksa bekerja keras bagi memastikan mereka hidup dalam keadaan selesa.

“Gaji saya sebagai pemandu lori tidaklah begitu tinggi. Saya mempunyai empat tanggungan yang harus dijaga. Kalau diikutkan dengan gaji yang saya terima tidak cukup, sebagai ketua keluarga, banyak komitmen yang harus dilaksanakan.

“Jadi, apabila program rebat ini dilaksanakan, beban untuk menanggung segala pembayaran dapat dikurangkan. Saya berharap, program ini tidak berhenti setakat

ini dan diteruskan lagi,” katanya.

Sokongan yang sama turut disuarakan oleh **Syed Azami Syed Othman**, 39, yang bekerja di salah sebuah syarikat swasta.

Menurutnya, penjimatan dalam penggunaan elektrik merupakan satu perkara yang perlu diamalkan bagi melatih diri menjadi seorang yang berjimat cermat.

Jelasnya, langkah yang dilaksanakan menjadi bukti betapa kerajaan amat prihatin terhadap kesusahan yang ditanggung oleh rakyat di negara ini.

“Banyak perkara yang terpaksa diselesaikan dengan wang ringgit. Pendapat saya, apabila program ini diteruskan, segala kesusahan yang ditanggung dapat dikurangkan,” katanya.

R.Shiva, 40, yang bekerja sebagai tutor di salah sebuah kolej swasta pula berpendapat, langkah yang dilaksanakan kerajaan dapat membantu mendidik rakyat menjadi individu yang lebih berjimat cermat.

Menurutnya, penjimatan tenaga elektrik di kawasan kediaman seharusnya dipupuk dalam kalangan kanak-kanak dari peringkat awal lagi.

“Saya merasakan program ini merupakan satu usaha yang baik untuk rakyat. Melalui program ini juga, kita dapat menggalakkan rakyat untuk lebih mengutamakan penjimatan penggunaan tenaga elektrik.

“Perkara ini harus kita terapkan dalam kalangan anak-anak bagi melatih mereka menjadi seorang yang berjimat apabila mereka dewasa kelak,” ujarnya.

Sementara itu, **V.Sarojah**, 64, pula berkata: “Pelaksanaan program ini banyak membantu mengurangkan beban saya dan berharap agar program ini dikekalkan bagi membantu golongan yang susah seperti saya.”

Sarojah hanya bekerja mengambil upah membasuh baju di kawasan sekitar rumahnya.

“Saya tinggal seorang diri selepas kematian ayah dan ibu saya. Sejak itu, saya terpaksa bekerja bagi menanggung kehidupan harian termasuk membayar bil elektrik, air dan sewa rumah sendiri.

“Upah yang saya terima tidak

Headline	Sejuta rakyat nikmati faedah elektrik percuma		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	7	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	628 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,526
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,578

menentu. Saya amat menghargai segala usaha yang dilakukan kerajaan dalam pemberian rebat elektrik bawah RM20 ini," tambahnya lagi.

**dan mengucapkan
jutaan terima kasih
atas keprihatinan itu**

**Saya menyokong
100 peratus usaha
yang dilakukan kerajaan**



MEMBASUH pakaian dalam kuantiti yang banyak pada satu-satu masa mampu menjimatkan penggunaan elektrik. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM



**ROHANA
MOHD. ARIPIN**



**MAZNAH
M. AMIN@AWANG**



K.KRISHNAN

Headline	Sejuta rakyat nikmati faedah elektrik percuma		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	7	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	628 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,526
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,578



**SYED AZAMI
SYED OTHMAN**



V.SAROJAH